

Sebuah kelas di SK Taman Tun Dr. Ismail 2 ditutup 10 hari, 4 murid dijangkiti penyakit

Wabak HMMFD merebak ke KL

KUALA LUMPUR – Penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dalam kalangan kanak-kanak di seluruh negara semakin membimbangkan apabila wabak itu kini mula merebak ke sekolah-sekolah di ibu kota.

Terbaru sebuah kelas di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Tun Dr. Ismail 2 di sini diarahkan tutup dan kesemua 36 murid bercuti 10 hari selepas empat daripadanya dijangkiti HFMD.



NOOR HISHAM

Pegawai Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dihubungi mengesahkan terdapat empat kes HFMD dilaporkan membatitkan murid lelaki tahun tiga sekolah itu.

“Menurut notis yang dikeluarkan Jabatan Kesihatan Daerah Kepong, hanya bilik darjah terbabit diarah tutup mulai semalam.

“Notis penutupan itu adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan pembasmian kuman dibuat selain memastikan pelajar lain tidak dijangkiti wabak sama,” katanya kepada *Bernama* semalam.

Sementara itu, tinjauan di



PENGAWAL keselamatan pasar raya Mydin menyapukan pencuci tangan atau sanitizer pada tangan pelanggan di Taman Saga, Alor Setar kelmarin.

sekolah terbabit mendapati aktiviti persekolahan berlangsung seperti biasa dengan pihak pengurusan sekolah juga mengesahkan kesemua murid dari bilik darjah terbabit sudah bercuti mulai semalam.

Semalam, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes wabak HFMD sejak awal tahun ini menunjukkan peningkatan di semua negeri kecuali Sarawak.

Katanya, sejak 1 Januari sehingga 23 Julai lalu terdapat 35,886 kes kumulatif wabak itu direkodkan di seluruh negara.

Pada minggu ke-29 iaitu dari 15 hingga 21 Julai lepas, sebanyak 3,852 kes HFMD dilapor-

kan berbanding 2,346 pada minggu ke-28 iaitu dari 8 hingga 14 Julai. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 1,506 kes atau bersamaan 64.2 peratus.

Dalam pada itu, di Pahang, seramai 51 murid tahun enam di SK Damak di Jerantut, terpaksa menangguhkan peperiksaan percubaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah pada Isnin lalu kerana sekolah berkenaan ditutup selama seminggu ekoran penularan HFMD.

Menurut Guru Besar SK Damak, Zulkarnain Maharudin, penularan jangkitan HFMD dipercayai berpunca daripada seorang murid prasekolah yang dikesan pada 16 Julai lalu sebelum merebak kepada 53 orang murid lain.

Sementara itu di Pulau Pinang, sebanyak 73 kelas di tujuh buah sekolah di negeri ditutup sejak awal bulan ini selama 10 hari selepas murid-muridnya dilaporkan terdedah kepada penularan HFMD.

Dalam pada itu, beberapa buah pasar raya



ANTARA simptom HFMD termasuklah lepuhan pada tangan, kaki dan mulut mangsa. – Gambar hiasan

di Pulau Pinang dan Kedah semalam melakukan kerja disinfeksi (suci hama) terhadap troli, alat permainan dan bangku yang ada di premis mereka berikutan peningkatan kes HFMD.

INFO

Bilangan kes HFMD mengikut negeri (sehingga 23 Julai 2018)

NEGERI	BILANGAN
Perlis	216
Kedah	1,194
Pulau Pinang	2,426
Perak	2,832
Selangor	10,823
Kuala Lumpur	4,203
Negeri Sembilan	1,469
Melaka	1,301
Johor	2,262
Pahang	691
Terengganu	554
Kelantan	1,546
Sabah	1,892
Sarawak	4,194
Labuan	283
Jumlah	35,886

Nota: ME - Minggu Epid (dari Sabtu hingga Ahad minggu seterusnya)

INFO

Penyakit HFMD

Punca

- Jangkitan virus yang dikenali sebagai enterovirus meliputi Coxsackie Virus A16 (Cox A16) dan Enterovirus 71 (EV 71)
- Merebak daripada individu ke individu dengan sentuhan secara langsung melalui lelehan hingus, air liur, najis dan cecair ruam daripada mereka yang dijangkiti
- Orang dewasa mahupun kanak-kanak boleh dijangkiti, tetapi kanak-kanak di bawah umur lima tahun adalah paling berisiko

Symptom

- Terjadi lepuhan berisi air pada tangan, kaki dan dalam mulut
- Tekak dan tonsil membentuk ulser kecil manakala tangan, kaki dan kawasan lampin dijangkiti ruam dengan ciri-ciri vesikel (lepuhan kecil)
- Ciri-ciri klinikal lain termasuk demam, sakit tekak, ulser pada tekak, mulut dan lidah

Rawatan

- Amalkan mencuci tangan secara konsisten menggunakan air bersih dan sabun sebelum menyediakan makanan, selepas keluar tandas, selepas menukar lampin dan mencuci najis
- Menutup mulut dan hidung bila batuk dan bersin
- Sapu dan bersihkan hidung serta mulut anak dengan tisu dan buang tisu yang telah digunakan
- Elak berkongsi pakaian, tuala, perkakas makanan dan minuman serta mainan

Penutupan kelas/sekolah

- Sekolah Kebangsaan (SK) Damak di Jerantut ditutup selama tujuh hari sejak Isnin lalu ekoran penularan HFMD. Akibatnya 51 pelajar Tahun Enam terpaksa menangguhkan peperiksaan percubaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)
- Empat buah sekolah di Pulau Pinang ditutup sepenuhnya akibat HFMD sejak awal Julai lalu. Sekolah tersebut ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sam Sun, SJKC Phor Tay, SJKC Shih Chung dan Sekolah Antarabangsa Tenby. Berpuluh-puluh buah kelas turut diarahkan ditutup antaranya di SJKC Chong Cheng, SJKC Moh Ghee Pusat, SK Saujana Indah dan Sungai Bakap



SEBUAH kelas di SK Taman Tun Dr. Ismail (2) terpaksa ditutup selama 10 hari sejak kelmarin ekoran penularan wabak HFMD.